

Buletin Jabatan
Pendaftaran
U n i v e r s i t i T e k n o l o g i M A R A

Januari - Disember 2024



**TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN
PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**

Kandungan

01 Audit Surveillance Sistem
Pengurusan Kualiti
ISO 9001:2015 (SIRIM)

02 Sesi Perkongsian Rohani
Kompetensi Dalam
Tugasan

03 Latihan Organisasi
Keselamatan Kebakaran
(Fire Drill)

05 Rewang Ramadhan

06 Lawatan Penandaarasan
Universitas Sumatera
Utara, Indonesia
ke Pejabat Pendaftar

07 Appreciation Day@BPD

Planting With Pendaftar
UiTM

09 Jamuan Raya Aidilfitri
JPSM Jabatan Pendaftar

Serahan wang bantuan
pengurusan Jenazah dan
khairat kematian

10 Futsal Fiesta @ BPD

11 Bengkel Penyediaan
Dokumen UiTM 2030

Bengkel Sesi Reuat Modul
Pengambilan Secara
Bersemuka BPPS JPSM
2024

12 Bengkel Strategi Tadbir
Urus dan Pentadbiran
Penstruktur Semula Kolej
Pengajian Ke Fakulti

Sesi Webinar Kemudahan
Rawatan Perubatan Staf
dan Pesara UiTM

13 Taklimat Pelaksanaan
Sistem Saraan
Perkhidmatan Awam
(SSPA)

Audit Surveillance Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (SIRIM)



Audit Surveillance sistem pengurusan kualiti ISO 9001:2015 - 11 hingga 12 Januari 2024, adalah proses memeriksa sistem pengurusan kualiti organisasi untuk memastikan sistem tersebut memenuhi keperluan standard ISO 9001:2015. Piawaian ini menetapkan prinsip asas untuk sistem pengurusan kualiti yang berkesan, termasuk tumpuan pelanggan, kepimpinan, penglibatan orang, pendekatan proses, penambahbaikan berterusan dan pendekatan berasaskan bukti untuk membuat keputusan

Pihak SIRIM membuat audit ini untuk melihat proses sistem pengurusan kualiti Pejabat Pendaftar bagi tujuan pensijilan ISO 9001:2015. Proses auditan berjalan lancar dan dapatan audit telah dibentangkan untuk Tindakan semua bahagian.



Sesi Perkongsian Rohani **Kompetensi Dalam Tugasan**



Kelab Staf Pejabat Pendaftar - 9 Februari 2024 telah menganjurkan satu sesi perkongsian Rohani. Perkongsian ini disampaikan oleh Saudara Syamsul Debat yang diadakan di Dewan Al Ghazali. Perkongsian ini bertujuan untuk memberikan panduan dan motivasi kepada staf dalam menghadapi tugas dan cabaran kehidupan seharian, serta memastikan staf melaksanakan tugas dengan penuh kompetensi. Kompetensi dalam tugas bukan hanya melibatkan kemahiran teknikal, tetapi juga kebolehan untuk menguruskan masa, berkomunikasi dengan baik, serta menjaga integriti dan kecekapan dalam setiap tindakan.

Kompetensi dalam tugas adalah gabungan antara ilmu, kemahiran, keikhlasan, dan sikap yang positif. Melalui niat yang betul dan amalan yang berlandaskan ajaran Islam, staf dapat mencapai kejayaan dalam tugas yang diberikan dan mendapat keredhaan Allah. Semoga semua sentiasa diberikan kekuatan untuk melaksanakan tugas dengan penuh kompetensi, serta terus berusaha untuk meningkatkan diri dalam segala aspek kehidupan. Majlis diakhiri dengan sesi fotografi antara Saudara Syamsul dan semua Staf yang hadir.





Latihan Organisasi **KESELAMATAN KEBAKARAN** *(Fire Drill)*

**Pejabat Pendaftar
bersama
Jabatan Bomba
dan Penyelamat
Shah Alam**





Program Fire Drill / Latihan kawad kebakaran – 4 hingga 5 Mac 2024 diadakan adalah bertujuan untuk memberipendedahan langsung kepada staf dalam menghadapi bahaya kebakaran dan sebarang kecemasan yang berlaku di tempat kerja.

Selain itu, program ini dilakukan untuk melatih staf tentang kaedah terbaik untuk menyelamatkan diri Ketika kecemasan / kebakaran berlaku. Program yang diadakan selama dua hari berjalan dengan lancar tdan melibatkan semua staf BPD.

Hari pertama bermula dengan taklimat keselamatan dan kebakaran untuk seluruh Staf BPD yang disampaikan oleh Encik Adrino Felix Theoodrus, Pegawai Bomba dari Balai Bomba Shah Alam. Kemudian diteruskan dengan taklimat keselamatan dan Pra Latihan untuk AJK Latihan kebakaran. Hari kedua, Latihan kebakaran diadakan disekitar bangunan JPSM dan kemudian diikuti dengan praktikal pemadaman api yang diadakan di parking bertingkat serta postmortem bersama AJK dan Balai Bomba.

Hasil dari sesi post mortem sejurus selepas simulasi dapat dirumuskan, kesemua anggota kerja mempamerkan kerjasama yang mantap di mana mereka berjaya keluar menerusi tangga kecemasan dengan mengambil masa yang pantas dan teratur serta mengikut aspek keselamatan yang telah ditetapkan.
#syabas warga BPD





Rewang RAMADHAN

27 Mac 2024 - Bulan Ramadan adalah bulan yang sangat mulia dalam agama Islam, di mana umat Islam diwajibkan untuk berpuasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Ramadan adalah bulan kesembilan dalam kalendar Hijrah (kalendar lunar Islam) dan dianggap sebagai bulan yang penuh dengan keberkatan dan rahmat dari Allah. Selain puasa, bulan Ramadan juga dipenuhi dengan amalan-amalan ibadah lain yang sangat dianjurkan dalam Islam, seperti solat tarawih, zakat fitrah, dan memperbanyakkan doa serta sedekah.

Dengan keprihatinan Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin, beliau telah memberikan sedekah yang berupa nasi Pakistan kepada seluruh warga BPD serta Pengurusan Kanan Universiti. Tindakan mulia ini mencerminkan sikap prihatin Tuan Haji terhadap kesejahteraan staf dan pengurusan, serta usaha beliau untuk mempererat hubungan sesama rakan sekerja melalui sumbangan yang bermakna.

Staf BPD yang mewakili setiap bahagian turut membantu dalam proses pembungkusan dan pengedaran nasi Pakistan kepada staf serta pengurusan kanan universiti. Kerjasama ini menunjukkan semangat gotong-royong dan perpaduan yang tinggi di kalangan staf, di mana setiap individu memainkan peranan penting untuk memastikan sedekah dapat disampaikan dengan lancar kepada semua penerima.



Lawatan Penandaarasan Universitas Sumatera Utara, Indonesia ke Pejabat Pendaftar

13 hingga 17 Mei 2024- Seorang wakil delegasi dari Universitas Sumatera Utara, Indonesia iaitu Puan Devia Asri Isfahani, Pegawai Fungsional Umum Biro, Sumber Daya Manusia telah mengadakan lawatan ke Pejabat Pendaftar. Lawatan ini bertujuan untuk memperluas pengetahuan tentang mempelajari amalan terbaik dalam pengurusan di Pejabat Pendaftar.

Lawatan penanda aras adalah suatu kegiatan di mana individu atau kumpulan mengunjungi organisasi lain untuk mempelajari amalan terbaik, proses, dan strategi yang digunakan. Tujuan utama lawatan ini biasanya adalah untuk:

- Mempelajari amalan terbaik: Mengambil inspirasi dari kejayaan organisasi lain.
- Pertukaran pengetahuan: Berkongsi pengalaman dan pandangan dengan organisasi lain.
- Meningkatkan prestasi: Menggunakan maklumat yang diperoleh untuk meningkatkan proses atau hasil dalam organisasi sendiri.

Puan Devia telah berkampung di Pejabat Pendaftar selama seminggu bagi mempelajari proses-proses yang dilakukan di Pejabat Pendaftar.



PLANTING WITH PENDAFTAR UiTM



26 Julai 2024 - Projek Menanam Pokok Bersama Pendaftar UiTM adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar, memperkukuhkan semangat kerja berpasukan, serta memperindah persekitaran kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Penanaman pokok bunga Rose Jepun di hadapan bangunan Canseleri adalah inisiatif yang dilaksanakan oleh Tuan Pendaftar, Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin untuk memperindah kampus serta menyemai kesedaran mengenai kepentingan kelestarian alam sekitar di kalangan warga UiTM. Sesi pertama dimulakan dengan penglibatan semua staf BGSU dan akan diteruskan dengan sesi-sesi lain melibatkan bahagian-bahagian lain di Pejabat Pendaftar (BPD) pada masa akan datang.

Diharapkan projek seperti ini dapat menjadi inspirasi untuk lebih banyak aktiviti hijau di masa hadapan.



Appreciation Day@BPD

Pejabat Pendaftar - 30 Julai 2024 sentiasa menghargai segala sumbangan, komitmen, dan dedikasi yang diberikan oleh staf dalam melaksanakan tugas mereka sepanjang tahun. Sehubungan itu, majlis penghargaan kakitangan dan pesara 2023@2024 dianjurkan untuk mengiktiraf dan menghargai komitmen kakitangan dalam pelbagai aspek. Bertemakan "*Denim and Diamond*", acara ini telah diadakan di Hotel UiTM, Shah Alam. Antara tujuan majlis ini adalah untuk meraikan Besara Wajib 2023 (4 orang), Besara Wajib 2024 (3 orang) yang dikenali sebagai Encik Kamaruzzaman Bin Shamsuddin, Puan Zahrah Binti Ibrahim, Puan Mariani Binti Ismail, Encik Tarmizi Abdul Wahab, Puan Farafaddia Binti Abu Hanipah, Puan Murniyati Binti Mohd Salleh, Encik Mohd Sohami Bin Samsuri.

Selain itu, objektif majlis ini juga untuk meraikan warga Pejabat Pendaftar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dari pelbagai aspek serta penghargaan. Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang 2022 (13 orang), Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang 2023 (14 orang). Berikut adalah senarai Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang bagi tahun 2022 dan 2023 :

Bil.	Tahun 2022	Bil.	Tahun 2023
1	Nor Amiruddin Bin Mokhtaruddin Ketua Timbalan Pendaftar (JPSM)	1	Haji Muhammad Huzaifah Haji Redzuan Timbalan Pendaftar Kanan (BKK)
2	Mohd Najib Bin Mohd Sarif Timbalan Pendaftar Kanan (BPP)	2	Azanizam Bin Ismail Timbalan Pendaftar (BPO)
3	Nur Hanani Binti Muhammad Zakri Penolong Pendaftar (BPO)	3	Khairul Ezuwan Bin Samsuddin Penolong Pendaftar Kanan (BKK)
4	Nur Farra Binti Mustafar Pegawai Eksekutif Kanan (BSK)	4	Wan Mahsuri Binti W Husin Penolong Pendaftar (BKK)
5	Tarmizi Bin Abdul Wahab Kerani Kanan (BPPS)	5	Norita Binti Md Don Penolong Akauntan (BSK)
6	Harliza Binti Baharuddin Kerani Kanan (BPP)	6	Mohd Sohami Bin Samsuri Kerani Tertinggi (BRPK)
7	Halimah Binti Suliman Kerani Kanan (BPPS)	7	Mohd Najib Bin Yusuf Kerani Kanan (BPPS)
8	Nor Anita Binti Jamil Kerani Kanan (BRPK)	8	Mohd Ahid Bin Naupal Kerani Kanan (BPP)
9	Hajah Rohaile Binti Riduan Kerani Kanan (BKK)	9	Murniyati Bt Mohd Salleh Kerani Kanan (BRPK)
10	Norhafiza Binti Anuar Kerani Kanan (BPP)	10	Norrasilah Binti Daud Kerani Kanan (BPP)
11	Azlina Binti Zulkifly Kerani Kanan (BPP)	11	Norulizah Binti Mohamad Shah Kerani Kanan (BPO)
12	Zailiyanti Binti Zabidin Pelukis Grafik Kanan (BGSU)	12	Aime Nadia Binti Hamdan Pembantu Tadbir (Kewangan) Kanan (BSK)
13	Mohd Fuad Bin Harun Pembantu Operasi (BKK)	13	Suzillah Binti Mohd Safhit Kerani Kanan (BKK)
		14	Muhamad Bin Azhar Pembantu Operasi (BGSU)



Tahriah kepada semua staf



Jamuan Raya Aidilfitri JPSM Pejabat Pendaftar

Jamuan Raya Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) 26 April 2024 diadakan di Dewan Al-Ghazali, Bahagian Kemajuan Kerjaya dan Perkarangan BPPS. Program dimeriahkan dengan kehadiran Naib Canselor UiTM serta dengan ketua-ketua jabatan lain. Jamuan raya ini diadakan bertujuan bagi mengeratkan ukhuwah yang terjalin di antara semua staf di UiTM.



SERAHAN WANG BANTUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN KHAIRAT KEMATIAN

Staf UiTM Kampus Shah Alam telah meninggal dunia pada tahun 2024. Bahagian Saraan dan kemudahan telah membuat serahan wang bantuan pengurusan jenazah sebanyak RM3,000.00 dan khairat kematian RM5,000.00 telah diserahkan pada hari tersebut kepada waris.

Seorang staf UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani telah meninggal dunia pada 12 Mac 2024. Pihak BSK telah memberi bantuan kepada waris untuk urusan membawa balik jenazah dari Hospital Serdang ke Perlis.





Futsal Fiesta 13 Julai 2024 yang dianjurkan oleh Kelab Staf Pejabat Pendaftar UiTM diadakan di Frenzy Sport Arena, Seksyen 16, Shah Alam. Acara ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat, mempereratkan hubungan sesama staf, serta memupuk semangat berpasukan di kalangan semua bahagian Pejabat Pendaftar.

Futsal Fiesta ini terbuka kepada semua staf di setiap bahagian Pejabat Pendaftar untuk menyertai dan menunjukkan semangat kesukanan. Keputusan pertandingan menyaksikan pasukan Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti (BGSU) merangkul Johan dalam permainan futsal, manakala Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPPS) mendapat Naib Johan. Pasukan Bahagian Rekod Pelajar Konvokesyen (BRPK) pula berjaya menduduki tempat ketiga dalam kejohanan tersebut. Acara ini tidak hanya menguji kemahiran futsal para staf, tetapi juga berjaya mencapai matlamat sosial untuk memperkukuhkan ikatan antara rakan sekerja.



BENGGEL PENYEDIAAN DOKUMEN UiTM 2030

Bengkel Penyediaan Dokumen UiTM 2030 27 Ogos 2024 yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar telah diadakan di Dewan Al Ghazali. Bengkel ini melibatkan penglibatan peserta dari Pengarah Bahagian, Ketua Unit, serta 2 orang wakil dari setiap unit yang ada. Bengkel ini adalah sebahagian daripada usaha strategik untuk memastikan UiTM mencapai matlamat dan visi menjelang tahun 2030.




BENGGEL SESI REUAT MODUL PENGAMBILAN SECARA BERSEMUKA BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PENEMPATAN STAF, JPSM 2024

Bengkel sesi Reuat Modul Pengambilan secara bersemuka 24 dan 25 Julai 2024 diadakan di Makmal Komputer 1, PTAR dengan vendor Encik Ahmad Hasrul.



Sesi Webinar Kemudahan Rawatan Perubatan Staf dan Pesara UiTM

Sesi Webinar Kemudahan Rawatan Perubatan Staf & Pesara UiTM telah dianjurkan oleh pihak ILD, Perak pada 30 Mei 2024 jam 9.30 pagi sehingga 11.30 pagi secara online. Jumlah peserta yang hadir secara atas talian adalah seramai 1032 orang staf dan pesara. Program tersebut telah diadakan dengan jayanya dan memenuhi objektif taklimat tersebut diadakan.





BENGGKEL STRATEGI TADBIR URUS DAN PENTADBIRAN PENSTRUKTUR SEMULA KOLEJ PENGAJIAN KE FAKULTI

Bengkel Strategi Tadbir Urus dan Pentadbiran Penstruktur Semula Kolej Pengajian ke Fakulti 15 November 2024 di Dewan Al Ghazali Bahagian Kemajuan Kerjaya. Mesyuarat telah menyenaraikan beberapa isu pentadbiran dan pengoperasian yang perlu untuk diambil perhatian dan diselesaikan bagi memastikan penstruktur Kolej Pengajian ke Fakulti berjalan dengan lancar. Beberapa pentadbiran dan pengoperasian yang dibincangkan telah dibahagikan kepada lima kategori :

1. Perjawatan dan Pengajian Tugas
2. Tadbir Urus dan Pengurusan Sumber
3. Kepimpinan, Sinergi dan Pengurusan Perubahan
4. Pemantauan dan Keberkesanan Inisiatif
5. Peningkatan Kerjaya dan Kebajikan Staf

Objektif bengkel ini bagi mengembangkan strategi menyeluruh yang menyokong pelaksanaan penstruktur semula selaras dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 7/2024. Disamping itu, merangka pelan pelaksana yang merangkumi kelima-lima kategori isu yang dibincangkan dan memastikan peralihan yang lancar dan efisien dari Kolej Pengajian ke Fakulti dengan menangani isu-isu pentadbiran dan operasi yang telah dikenal pasti.



TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)



Kerajaan telah mengumumkan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah digunakan pakai selama hampir 21 tahun. Semakan semula adalah selari dengan perkembangan semasa, serta seiring dengan peranan yang perlu dimainkan oleh perkhidmatan awam dalam mencapai aspirasi nasional yang digariskan menerusi dokumen-dokumen dasar termasuk Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMKe-12) yang memberi fokus kepada keberkesanan dan pencapaian keberhasilan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024, Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Pegawai perkhidmatan awam Persekutuan. Memberikan penerangan dan pemahaman yang jelas kepada semua Majlis Pengurusan Kanna (MPK) Universiti, Ketua Pentadbiran, Ketua Skim dan Staf Pejabat Pendaftar tentang struktur, prinsip, dan pelaksanaan SSPA yang akan digunapakai oleh UiTM.

Objektif taklimat SSPA adalah :-

1. Memberikan penerangan dan pemahaman yang jelas kepada semua Majlis Pengurusan Kanan (MPK) Universiti, Ketua Pentadbiran, Ketua Skim dan staf Pejabat Pendaftar tentang struktur, prinsip, dan pelaksanaan SSPA yang akan digunapakai oleh UiTM.
2. Untuk memastikan bahawa semua yang hadir dapat maklumat yang betul dan jelas berkaitan pelaksanaan SSPA.
3. Sebagai platform untuk semua yang hadir untuk mendapatkan penjelasan tentang maklumat-maklumat SSPA.



Taklimat
Pelaksanaan
Sistem Saraan
Perkhidmatan
Awam (SSPA)
di Dewan Konsert
Seri Budiman

10 Oktober 2024



Taklimat
Pelaksanaan
Sistem Saraan
Perkhidmatan
Awam (SSPA)
Staf Jabatan
Pendaftar
di Dewan Al Ghazali

08 Oktober 2024

Jabatan Pendaftar
Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

 اوربھا تقویٰ مولیا

Januari - Disember 2024

